
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HGF 121 - GEOGRAFI FIZIKAL

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab sekurang-kurangnya SATU soalan dari setiap Bahagian A, B dan C.

...2/-

Bahagian A

1. Berdasarkan SAMA ADA fenomena Imbangan Bahangan ATAU Banjir, huraikan bagaimana fenomena tersebut mencapai keseimbangan dan ketidakseimbangan.
[25 markah]
2. Huraikan ciri-ciri Iklim Monsun Tropika.
[25 markah]

Bahagian B

3. Bincangkan mengapa kawasan yang mempunyai evapotranspirasi yang tinggi juga mempunyai kepelbagaian spesis yang tinggi.
[25 markah]
4. Bincangkan implikasi aktiviti antropogenik terhadap kitaran karbon.
[25 markah]

Bahagian C

5. [a] Jelaskan konsep berikut:
[i] Kitaran batuan
[ii] Plat tektonik
[8 markah]
- [b] Huraikan pertalian di antara kitaran batuan dan plat tektonik.
[7 markah]
- [c] Huraikan proses pembinaan dan pemusnahan plat benua atau plat lautan.
[10 markah]
6. [a] Jelaskan mengapa perlu wujud keseimbangan di antara proses dalaman dan proses luaran bumi.
[10 markah]

...3/-

- [b] Huraikan dua proses luaran yang mencorakkan pandang darat permukaan bumi.
[15 markah]

Bahagian D

7. [a] Jelaskan profil arus pada likuan sungai.
[5 markah]
- [b] Huraikan bagaimana profil arus mempengaruhi pola pemendapan yang berlaku.
[10 markah]
- [c] Huraikan pola pengangkutan dan pemendapan di dataran banjir.
[10 markah]
8. [a] Huraikan jenis-jenis hakisan tanah di atas satu unit cerun.
[10 markah]
- [b] Kejadian hakisan dari lembangan saluran akan menentukan kadar hakisan dan pemendapan di dalam saluran sungai. Bincangkan.
[15 markah]